

Pak Lah akan teruskan Dasar Pandang ke Timur

8 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Jumaat - Dasar Pandang ke Timur yang dipelopori Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak peringkat awal menyandang jawatan Perdana Menteri pada 1980-an, akan tetap diteruskan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ini kerana dasar itu memanfaatkan negara serta memberi penekanan kepada Korea Selatan.

"Ia memang menjadi satu dasar yang terus dilaksanakan. Perdana Menteri sendiri juga beberapa

kali sebelum ini menyafakan bahawa ia penting," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdullah berkata, lawatan itu adalah susulan hasil pertemuan Dr Mahathir dan Presiden Kim Dae-Jung di Seoul, Mei lalu.

Beliau juga meminta Korea Selatan meningkatkan hubungan ekonomi dengan Malaysia dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada sektor pembinaan.

Katanya, Malaysia se-

dar syarikat Korea Selatan mempunyai kemampuan dan kebolehan dalam sektor pembinaan tetapi negara itu juga perlu mengimport barangan Malaysia bagi mengimbangi perdagangan kedua-dua negara.

Beliau berkata, syarikat pembinaan Korea Selatan adalah kumpulan pertama yang mengambil bahagian dalam sektor pembinaan di Malaysia ketika Dr Mahathir mula-mula menjadi Perdana Menteri.

"Dr Mahathir memang menyatakan sebahagian daripada pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur juga memabitkan Korea

Selatan. Kita mahu Korea Selatan terima dan import barangan dari Malaysia.

"Itu adalah penting dan bukan sekadar kita import barangan mereka dan dapatkan khidmat dalam industri pembinaan, katanya.

Abdullah berkata, lawatan menteri Korea Selatan itu menunjukkan bahawa negara itu masih berminat untuk mengambil baha-

gian dalam aktiviti pembinaan di Malaysia yang berkaitan dengan infrastruktur dan bidang lain.

Korea Selatan adalah rakan dagangan penting bagi Malaysia. Tahun lalu, republik itu adalah rakan dagangan kelapan terbesar, kesembilan terbesar bagi pasaran eksport dan keenam bagi sumber import serta mewakili kira-kira 3.7 peratus daripada

jumlah dagangan Malaysia dengan nilai RM5.9 bilion.

Sebahagian besar perdagangan dua hala itu ketika ini adalah dalam produk dan komponen elektrik dan elektronik. Korea Selatan adalah pembeli utama bagi minyak mentah dan gas asli Malaysia dan pembekal penting negara bagi kapal, bot serta kenderaan bermotor.

Republik itu adalah pelabur asing kelima terbesar di Malaysia, kebanyakannya dalam pembuatan barangan elektronik, produk mineral bukan metalik, produk logam serta produk pengkhususan seperti tiub gambar berwarna, panel kaca dan monitor komputer.

Ketika ini ada 114 syarikat dengan pelaburan Korea Selatan di Malaysia.